

## NOTIS PENTING:

Berkuatkuasa dari 5 Disember 2017, CIMB Kwik / CIMB Kwik Prepaid Mastercard tidak lagi menawarkan pembukaan akaun baru. Walau bagaimanapun akaun CIMB Kwik atau Mastercard CIMB Kwik Prepaid anda masih boleh digunakan sehingga pemberitahuan selanjutnya.

## PERJANJIAN AKAUN KWIK CIMB BANK

Tidak dilindungi oleh PIDM

Kesemua terma-terma dan syarat-syarat ini mengikat penggunaan Akaun Kwik CIMB Bank yang diberi oleh CIMB Bank Berhad [197201001799 (13491-P)] kepada individu yang dinamakan di atas kad tersebut.

### 1. DEFINISI

Dalam Perjanjian ini, terma-terma berikut membawa maksud seperti yang dinyatakan kecuali dinyatakan sebaliknya:-

Akaun	merujuk kepada Akaun Kwik CIMB Bank Pemegang Akaun, di mana (i) semua pembayaran untuk pembelian barangan dan/atau perkhidmatan dan pengeluaran tunai yang dilaksanakan melalui penggunaan Akaun dan/atau Kad tersebut dan (ii) dan semua fi dan caj yang berkenaan didebitkan;
Pemegang Akaun	merujuk kepada individu yang membuka Akaun dan mempunyai Kad yang diisukan kepadanya, dan termasuklah waris, wakil diri dan pengganti hakmiliknya.
Akaun Lain Pemegang Akaun	merujuk kepada akaun perbankan atau akaun lain Pemegang Akaun dengan Bank dan/atau CIMB Islamic Bank Berhad, termasuk tetapi tidak terhad kepada akaun bersama Pemegang Akaun dengan pihak ketiga.
Perjanjian ini	merujuk kepada perjanjian ini yang mengandungi terma dan syarat untuk pembekalan Akaun dan Kad tersebut oleh Bank kepada Pemegang Akaun, seperti yang dipinda dari semasa ke semasa.
ATM	merujuk kepada mesin juruwang automatik;
Bank	merujuk kepada CIMB Bank Berhad CIMB Bank Berhad [197201001799 (13491-P)] yang mempunyai pejabat perniagaannya di Aras 17, Menara CIMB, Jalan Stesen Sentral 2, Kuala Lumpur Sentral, 50470 Kuala Lumpur atau lokasi lain yang boleh diubah oleh Bank dan termasuk pengganti hakmilik dan pemegang serah haknya;
Kad	merujuk kepada kepada kad fizikal yang dikeluarkan oleh Bank di bawah Akaun Pemegang Akaun.
CIMB Clicks	merujuk kepada laman web perbankan atas talian Bank.
Mastercard	merujuk kepada MasterCard Worldwide, sebuah syarikat yang ditubuhkan di Amerika Syarikat yang mengendalikan transaksi bayaran dan yang mana Bank adalah institusi ahlinya.
Jumlah Maksimum	merujuk kepada jumlah maksimum yang boleh dipegang sebagai kredit dalam suatu Akaun pada setiap masa, seperti yang dibuktikan di Klausula 6.5.
Peniaga	merujuk kepada semua peniaga yang membekalkan barangan dan/atau perkhidmatan.

PIN	merujuk kepada nombor pengenalan peribadi Pemegang Akaun yang diguna dengan Kad tersebut di ATM atau terminal jualan.
SMS	merujuk kepada Perkhidmatan Pesanan Ringkas.
Statement	merujuk kepada penyata berkala yang menunjukkan semua jumlah yang dicajkan, didebitkan dari atau dikreditkan kepada Akaun.
TAC	merujuk kepada Kod Pemberikuasaan Transaksi (Transaction Authorisation Code) yang merupakan kod sekuriti 6-digit unik yang dijana pada tahap transaksi untuk membekalkan lapisan perlindungan kedua untuk transaksi atas talian tertentu, dan yang mana perlu dimasukkan apabila diminta.
hari bekerja	merujuk kepada hari perniagaan (yang bukan hari Sabtu atau Ahad) yang mana bank-bank, yang dilesenkan untuk menjalankan perniagaan perbankan di bawah peruntukan Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, adalah dibuka untuk perniagaan di Kuala Lumpur.

Perkataan-perkataan yang merujuk kepada satu merujuk juga pada jamaknya dan sebaliknya; dan perkataan-perkataan merujuk pada jantina lelaki merujuk juga kepada jantina perempuan dan neutral atau sebaliknya.

## **2. PERMOHONAN DAN PEMBUKAAN AKAUN**

- 2.1 Permohonan untuk membuka suatu Akaun dikehendaki dibuat atas talian melalui CIMB Clicks atau saluran lain yang ditetapkan yang boleh ditentukan oleh Bank dari semasa ke semasa.
- 2.2 Kelulusan permohonan, dan pembukaan dan penerusan Akaun adalah pada budi bicara Bank.
- 2.3 Bank mempunyai hak untuk memperuntukkan dan mengubah, dari semasa ke semasa, jumlah minimum deposit awalan yang diperlukan untuk Akaun tersebut
- 2.4 Pemegang Akaun dikehendaki mematuhi kesemua keperluan Bank untuk membuka Akaun tersebut. Dalam memohon untuk Akaun tersebut, menggunakan dan/atau mengendalikan Akaun tersebut, Pemegang Akaun menyatakan dan menjamin bahawa:
  - (i) kesemua maklumat yang dibekalkan kepada Bank adalah betul, tepat dan lengkap;
  - (ii) Pemegang Akaun tidak mempunyai Akaun KWIK CIMB Bank lain dengan Bank;
  - (iii) Pemegang Akaun berusia sekurang-kurangnya lapan belas (18) tahun;
  - (iv) Pemegang Akaun mempunyai nombor mudah alih berdaftar dan alamat pengeposan di Malaysia.
- 2.5 Pemegang Akaun bersetuju untuk bertanggungjawab untuk apa-apa salahnyata atau maklumat palsu, tidak benar atau tidak tepat yang didedahkan dalam permohonan Pemegang Akaun untuk membuka Akaun tersebut. Pemegang Akaun juga adalah berkewajipan dan bertanggungjawab untuk apa-apa kerosakan atau kerugian yang dialami atau ditanggung oleh Bank berbangkit dari kemungkiran atau keingkaran Perjanjian ini oleh Pemegang Akaun semasa penggunaan dan/atau pengendalian berterusan Akaun tersebut.
- 2.6 Pemegang Akaun dikehendaki membayar fi tahunan untuk membolehkan permohonan diproseskan sebelum Akaun tersebut boleh dibuka dan Kad tersebut boleh diisukan. Bayaran fi tahunan boleh dibuat atas talian di CIMB Clicks melalui (i) Penukaran Proses Kewangan (Financial Process Exchange) ("**FPX**")

atau (ii) dari Akaun Lain Pemegang Akaun; atau melalui apa-apa saluran tertentu yang dibenarkan oleh Bank dari semasa ke semasa.

2.7 Dengan membuka Akaun tersebut, Pemegang Akaun secara nyata mengakui dan bersetuju bahawa:-

- (i) Pemegang Akaun akan membekalkan Bank dengan apa-apa maklumat yang diminta oleh Bank untuk kewajipan pelaporan kawal selia atau untuk apa jua sebab;
- (ii) Akaun tersebut bukan suatu akaun yang diberikan faedah dan tidak akan memperolehi sebarang faedah sama sekali;
- (iii) Pemegang Akaun tidak akan menambah, menaikkan atau mengkreditkan dana kepada Akaun tersebut melebihi Jumlah Maksimum;
- (iv) Pemegang Akaun mempunyai pengetahuan bahawa Akaun tersebut adalah layak untuk perlindungan daripada Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("**PIDM**") dan telah mendapatkan risalah PIDM dengan memuat turunnya dari laman web Bank; dan
- (v) Akaun tersebut dikawal oleh terma dan syarat yang dinyatakan di Perjanjian ini dan Pemegang Akaun adalah diikat oleh Perjanjian ini.

### **3. PENGHANTARAN KAD**

Kad tersebut yang diisukan di bawah Akaun tersebut akan dihantar kepada alamat pengeposan yang dibekalkan oleh Pemegang Akaun di permohonannya dalam empat belas (14) hari bekerja selepas pembukaan Akaun yang berjaya. Kad tersebut akan ditimbul dengan 20 huruf pertama nama anda, termasuk ruang, seperti yang diberi dalam permohonan untuk membuka Akaun tersebut. Pemegang Akaun harus menghubungi Bank jika Kad tersebut tidak diterima selepas Akaun tersebut berjaya dibuka.

### **4. PEMEROLEHAN NOMBOR NILAI VERIFIKASI KAD [CARD VERIFICATION VALUE (CVV) NUMBER]**

Jika Akaun tersebut telah dibuka tetapi Kad belum sampai atau Pemegang Akaun tidak mempunyai Kad fizikal pada bila-bila masa, Pemegang Akaun boleh memerolehi nombor CVV dan tarikh luput Kad ("**Butir Kad**") dari CIMB Clicks. Dalam CIMB Clicks, Pemegang Akaun akan perlu meminta untuk memerolehi Butir Kad di mana suatu TAC akan dihantar kepada nombor mudah alih Pemegang Akaun dalam rekod Bank. Selepas TAC yang betul dimasukkan, Butir Kad akan ditunjukkan dalam CIMB Clicks.

### **5. PENGAKTIFAN KAD DAN PIN**

- 5.1 **SERTA-MERTA** atas penerimaan Kad tersebut, Pemegang Akaun mesti menandatangani di belakang Kad tersebut dan mengaktifkan Kad tersebut. Untuk mengaktifkan Kad tersebut, Pemegang Akaun mesti mengikuti arahan yang dinyatakan dalam surat yang melampirkan Kad tersebut.
- 5.2 Kad tersebut tidak boleh dipindah dan hanya boleh digunakan oleh Pemegang Akaun. Kad tersebut tidak boleh diberi kepada, atau dipegang oleh individu lain sebagai sekuriti untuk apa jua tujuan.
- 5.3 Suatu PIN sementara akan dihantar kepada alamat pengeposan Pemegang Akaun yang dinyatakan dalam permohonan selepas Akaun tersebut berjaya dibuka, berlainan dengan Kad tersebut. Pemegang Akaun mesti menukar PIN sementara tersebut dengan mengikuti arahan yang diberi dan dalam tempoh masa yang dinyatakan.
- 5.4 Bank akan mengisukan PIN sementara baru atas permintaan Pemegang Akaun jika PIN telah dilupai.

- 5.5 Jika Kad telah hilang atau dicuri, dan Bank bersetuju untuk mengisukan Kad penggantian kepada Pemegang Akaun, suatu PIN sementara untuk Kad penggantian akan juga diisukan. PIN semasa tidak akan berfungsi pada Kad penggantian.
- 5.6 Pemegang Akaun mesti menyimpan PIN secara rahsia dan mesti tidak mendedahkan PIN kepada sesiapa pun dalam apa jua keadaan. Apabila memilih PIN, Pemegang Akaun MESTI TIDAK memilih PIN yang ketara dan/atau mudah diramal, termasuk yang mana:
- merupakan tarikh kelahiran Pemegang Akaun;
  - jika PIN adalah huruf, merupakan bahagian yang mudah dicam dari nama Pemegang Akaun;
  - terdiri dari nombor berturut (misalnya 12345); atau
  - terdiri dari semua nombor yang sama (misalnya 111111).
- 5.9 Pemegang Akaun mesti memastikan jumlah transaksi adalah betul sebelum menandatangani sebarang baucar transaksi atau memasuki PIN di sebarang terminal jualan elektronik. Dengan menandatangani baucar atau memasuki PIN, Pemegang Akaun adalah dianggap sebagai telah bersetuju kepada transaksi tersebut dan mengesahkan jumlah tersebut adalah betul.
- 5.10 Pemegang Akaun mengesahkan dan bersetuju bahawa apabila mengendalikan sebarang transaksi, PIN tersebut akan berfungsi sebagai satu cara untuk menentusahkan dan mengesahkan identiti Pemegang Akaun kepada Bank. Dalam hal ini, Pemegang Akaun membenarkan Bank untuk menerima, mematuhi dan mengambil tindakan terhadap semua arahan dengan niat baik. Arahan sedemikian akan dianggap tidak boleh dibatal dan mengikat Pemegang Akaun meskipun terdapatnya apa-apa kesilapan, penipuan, pemalsuan, ketidakjelasan atau salah faham berkenaan arahan sedemikian. Bank berhak untuk bergantung kepada PIN sebagai bukti muktamad identiti Pemegang Akaun tetapi jika Bank mempunyai keraguan atau adalah tidak pasti tentang identiti Pemegang Akaun, Bank masih boleh meminta sebarang bentuk atau cara pengenalan lain yang dianggapnya wajar dari semasa ke semasa.

## 6. BAYARAN DAN KREDIT KEPADA AKAUN

- 6.1 Semua bayaran dan kredit kepada Akaun hendaklah dibuat dalam Ringgit Malaysia.
- 6.2 Untuk penambahan/kredit kepada Akaun, Pemegang Akaun boleh berbuat demikian melalui cara berikut:-
- (i) deposit wang tunai melalui Mesin Deposit Wang Bank;
  - (ii) pemindahan dana dari mana-mana Akaun Lain Pemegang Akaun melalui CIMB Clicks atau ATM; dan
  - (iii) pemindahan dana atas talian dari akaun lain anda dengan bank lain.
- 6.3 Deposit cek kepada Akaun tersebut tidak dibenarkan langsung.
- 6.4 Jumlah maksimum yang mana boleh dipegang dalam kredit di Akaun tersebut ("**Jumlah Maksimum**") adalah Ringgit Malaysia Empat Ribu Sembilan Ratus Sembilan Puluh Sembilan (RM 4,999.00) atau jumlah sedemikian yang Bank boleh memperuntukkan dengan memberi kepada Pemegang Akaun sekurang-kurangnya notis bertulis sebanyak 21 hari terdahulu.
- 6.5 Pemegang Akaun mesti tidak menambah atau mengkredit jumlah melebihi Jumlah Maksimum kepada Akaun tersebut.
- 6.6 Sebarang bayaran atau kredit kepada Akaun tersebut tidak akan diambil kira sebagai telah dibuat sehingga nilai jumlah tersebut diterima sepenuhnya oleh Bank.
- 6.7 Bank berhak untuk menentusahkan sumber dana untuk sebarang bayaran kepada Akaun tersebut untuk mengesahkan kepatuhan Peraturan dan Undang-Undang Yang Terpakai. Sementara pengesahan sumber dana oleh Bank:-

- (i) Bank menzahirkan hak untuk menggantungkan penggunaan Akaun tersebut dan/atau Kad tersebut dan/atau menolak apa-apa transaksi yang dicuba atas Akaun tersebut dan/atau Kad tersebut; dan
- (ii) sebarang jumlah yang telah terdiri dari kredit Akaun tersebut dan/atau Kad tersebut atau sebagai akibat bayaran kepada Akaun tersebut tidak boleh digunakan oleh Pemegang Akaun, dan tidak dikembalikan dan/atau dibayar balik oleh Bank kepada Pemegang Akaun.

## 7. AKAUN DAN KEMUDAHAN YANG TERSEDIA

7.1 Akaun tersebut boleh digunakan untuk kemudahan berikut, tertakluk kepada baki kredit Akaun tersebut:

- (i) bayaran untuk barangan dan/atau perkhidmatan;
- (ii) pemindahan dana;
- (iii) penyelesaian bil berkala melalui bayaran automatik ("**Perkhidmatan Autopay**") yang diluluskan oleh Bank;
- (iv) pengeluaran tunai dari ATM Bank dan/atau ATM yang menunjukkan logo MasterCard;
- (v) kiriman wang seperti perkhidmatan kiriman asing, draf permintaan tempatan atau asing dan cek jurubank, etc;
- (vi) bayaran bil;
- (vii) Tambah nilai prabayar;

Bank boleh menambah kepada, menggantung atau memberhentikan mana-mana kemudahan ini dengan memberi kepada Pemegang Akaun notis bertulis 21 hari terdahulu.

### 7.2 Perkhidmatan Autopay

- 7.2.1 Dengan mengambil perkhidmatan Autopay, Pemegang Akaun memberi kuasa kepada Bank untuk membayar bil tertentu yang dinyatakan oleh Pemegang Akaun. Pemegang Akaun mesti membatalkan sebarang arahan lebih awal yang diberi kepada (i) bank atau penerima bayaran lain untuk membayar peniaga yang sama dan/atau (ii) peniaga untuk membil bank atau penerima bayaran lain supaya caj berganda tidak berlaku.
- 7.3.2 Dalam membekalkan Perkhidmatan Autopay ini, Bank tidak bertanggungjawab untuk sebarang kerugian yang ditanggung oleh Pemegang Akaun untuk kelewatan atau kegagalan dalam membayar bil kecuali ia disebabkan secara langsung oleh kecuaiian terlampau atau keingkaran sengaja Bank.
- 7.3.3 Bank tidak perlu membayar apa-apa bil jika Pemegang Akaun tidak mempunyai wang mencukupi dalam Akaun tersebut, atau di mana ia menentukan secara munasabah bahawa ketidakbayaran adalah dijustifikasikan.
- 7.3.4 Pemegang Akaun adalah bertanggungjawab untuk bayaran yang dibuat oleh Bank kepada peniaga walaupun selepas Pemegang Akaun membatalkan atau menamatkan Perkhidmatan Autopay, kecuali Bank adalah cuai secara terlampau atau dengan sengaja tidak mematuhi permintaan Pemegang Akaun dengan niat jahat.
- 7.3.5 Bank tidak perlu memaklumkan Pemegang Akaun berkenaan sebarang ketidakbayaran oleh Bank. Pemegang Akaun adalah bertanggungjawab untuk menyemak dan memantau bayaran /

ketidakbayaran tersebut dan adalah bertanggungjawab secara tunggal untuk menyelesaikan bayaran tertunggak dengan peniaga secara langsung.

7.3.6 Jika nombor Kad bertukar, Pemegang Akaun mesti memaklumkan peniaga bil berkenaan penukaran nombor. Pemegang Akaun membenarkan Bank untuk meneruskan (tetapi Bank adalah tidak wajib berbuat demikian) untuk membayar peniaga bil yang sama dari nombor baru Kad.

7.3.7 Jika Pemegang Akaun mempunyai lebih dari satu peniaga untuk membayar tetapi tiada wang mencukupi dalam Akaun tersebut untuk membayar semua, Bank boleh:-

- (i) memilih untuk tidak membuat sebarang bayaran kepada mana-mana peniaga di mana Pemegang Akaun akan menyelesaikan kesemua bayaran tertunggak dengan peniaga secara langsung; atau
- (ii) memutuskan (pada budi bicara tunggalnya) untuk membayar sesiapa dahulu dan Pemegang Akaun adalah bertanggungjawab secara tunggal untuk menyelesaikan jumlah yang belum dibayar dengan peniaga yang berlainan secara langsung.

7.3.8 Perkhidmatan Autopay akan ditamatkan:

- (i) jika peniaga yang relevan memberi Bank notis bertulis sekurang-kurangnya satu (1) bulan di mana Perkhidmatan Autopay akan ditamatkan atas pelupusan tempoh notis tersebut; atau
- (ii) serta-mertanya, jika Akaun tersebut ditutup dan Kad tersebut dibatalkan oleh Bank dan/atau disebabkan kehilangan atau pencurian Kad tersebut

(dirujuk secara kolektif sebagai "**Kedadaan tersebut**").

7.3.9 Pemegang Akaun adalah bertanggungjawab untuk memaklumkan peniaga relevan secara bertulis untuk menamatkan Perkhidmatan Autopay dan untuk meminta peniaga tersebut untuk memberhentikan bil kepada Bank. Sehingga masa peniaga memaklumkan Bank bahawa Perkhidmatan Autopay telah ditamatkan, Bank akan meneruskan bayaran kepada peniaga tersebut dan Pemegang Akaun masih bertanggungjawab untuk bayaran tersebut yang dibuat oleh Bank kepada peniaga berkaitan dengan kesemua transaksi sebelum Kedadaan tersebut.

7.3.10 Bank boleh menggantung dan/atau membatalkan Perkhidmatan Autopay pada bila-bila masa dengan memberi Pemegang Akaun notis terdahulu untuk pembatalan tersebut. Dalam keadaan tersebut, Pemegang Akaun masih bertanggungjawab untuk menyelesaikan kesemua bayaran tertunggak dengan peniaga secara langsung.

### 7.3 Transaksi ATM

7.4.1 PIN adalah dikehendaki untuk mendapatkan pengeluaran wang tunai atau melakukan transaksi melalui ATM, tertakluk kepada had pengeluaran harian terpakai ATM tersebut dan apa-apa fi dan caj yang terpakai untuk penggunaan ATM tersebut.

7.4.2 Jika transaksi ATM tidak boleh dilakukan atau diganggu secara salah oleh defek, kerosakan, gangguan atau kehilangan bekalan elektrik ("**Defek Teknikal**") atau sebaliknya, atau jika Kad tersebut tidak diterima untuk penggunaan atau di mana Kad ditahan oleh ATM kerana Defek Teknikal atau untuk apa jua alasan, Bank tidak akan bertanggungjawab untuk apa-apa kehilangan, kerosakan, kesulitan atau perasaan malu yang dialami oleh Pemegang Kad kecuali ia disebabkan oleh kecuaiian terlampau atau keingkaran sengaja oleh Bank.

7.4.3 Jam operasi, jenis perkhidmatan yang sedia ada dan juga cara bagaimana Kad tersebut boleh digunakan di ATM adalah ditentukan oleh Bank. Bank tidak menjamin bahawa ATM boleh melakukan transaksi yang Pemegang Akaun berniat.

## **8. CARDS WITH CONTACTLESS TRANSACTION-ENABLED FEATURES**

Cards have a feature which enable transactions up to a limit notified by the Bank, to be carried out by waving the Card at contactless terminals (“**Contactless Transaction(s)**”) without requiring the Accountholder’s signature or PIN to authorise the transaction. The Accountholder agrees that all Contactless Transactions incurred using the Cards shall be presumed to be properly authorised unless the Accountholder can show conclusive proof to the contrary. In this regard the Accountholder understands the ease of which unauthorised Contactless Transactions may be carried out and accepts the risks of the same. The Accountholder may disable this feature and/or change the daily limit for Contactless Transaction(s) by notifying the Bank.

## **9. TRANSAKSI LUAR NEGARA**

- 9.1 Transaksi luar negara, termasuk pengeluaran wang tunai dan transaksi di tahap jualan/terminal peniaga luar negara adalah dilarang kecuali Pemegang Akaun telah secara menyata memilih untuk melaksanakan transaksi sedemikian dengan memaklumkan Bank.
- 9.2 Jika Pemegang Akaun telah memilih untuk melakukan transaksi luar negara, Pemegang Akaun akan bertanggungjawab untuk semua transaksi luar negara yang diposkan kepada Akaun tersebut dan juga semua transaksi yang akan dianggap telah disahkan kecuali Pemegang Akaun boleh menunjukkan bukti konklusif sebaliknya.
- 9.3 Pemegang Akaun boleh pada bila-bila masa menamatkan ciri ini untuk menggunakan Kad tersebut di luar negara dengan memaklumkan Bank.
- 9.4 Transaksi luar negara sebegini tidak termasuk transaksi telefon, transaksi pesanan pos dan transaksi atas talian melalui internet yang mana adalah dibenarkan tanpa keperluan untuk memilih atau berada secara fizikal dengan Kad tersebut.

## **10. PRA-PEMBERIKUASAAN**

- 10.1 Pra-pemberikuasaan melibatkan pemegangan suatu jumlah spesifik dari Akaun tersebut di mana Pemegang Akaun tidak dibenarkan untuk menggunakan jumlah wang tersebut untuk tempoh masa yang diperuntukkan dalam keadaan berikut:
  - (i) Jika Kad tersebut digunakan untuk transaksi petrol, Bank akan memegang suatu jumlah Ringgit Malaysia Dua Ratus (RM 200) dari Akaun tersebut untuk tempoh dua (2) hari bekerja selepas tarikh transaksi petrol tersebut; dan
  - (ii) Jika Kad tersebut digunakan untuk kediaman hotel, Bank akan memegang suatu jumlah yang diperuntukkan oleh hotel berkenaan semasa daftar-masuk (atau jumlah bersamaan dalam Ringgit Malaysia jika jumlah yang diperuntukkan adalah dalam mata wang asing) untuk maksimum lapan (8) hari.
- 10.2 Semasa Pra-Pemberikuasaan, Bank boleh menggantung bayaran transaksi lain jika terdapatnya kekurangan dana dalam Akaun tersebut..

## **11. HAD PEMBELIAN DAN TRANSAKSI**

- 11.1 Had pembelian dan transaksi untuk Akaun tersebut dan/atau Kad tersebut adalah jumlah yang terdapat dalam Akaun tersebut atau had sedemikian yang Bank boleh menentukan, dan tertakluk kepada had setiap tahun kalendar yang dinyatakan di bawah.
- 11.2 Jumlah agregat had untuk pembelian, pemindahan dana pihak ketiga dan pengeluaran wang tunai dari Akaun tersebut dan/atau Kad tersebut adalah sebanyak RM50,000.00 setiap tahun kalendar. Jika had RM50,000.00 dicapai dalam masa satu tahun kalendar, Pemegang Akaun tidak akan boleh melakukan pembelian atau pengeluaran wang tunai dari Akaun tersebut dan/atau Kad tersebut sehingga hari pertama tahun kalendar seterusnya.
- 11.3 Jika untuk apa jua alasan Pemegang Akaun melebihi had Akaun tersebut dan/atau had untuk setiap tahun kalendar, Pemegang Akaun akan masih bertanggungjawab untuk semua transaksi yang dilakukan pada Akaun tersebut dan/atau Kad tersebut termasuk dan tidak terhad kepada semua pembelian dan transaksi yang dilakukan/dikendalikan pada Akaun tersebut dan/atau Kad tersebut. Bank tidak akan bertanggungjawab dalam apa jua keadaan untuk memastikan baki kredit Akaun tersebut digunakan dan/atau tidak dilebihi oleh Pemegang Akaun.
- 11.4 Bank boleh (tetapi tidak berwajib) pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa menghubungi anda untuk megesahkan transaksi yang dilakukan pada Akaun tersebut dan/atau Kad tersebut sebagai cara untuk mencegah apa-apa kegunaan Akaun tersebut dan/atau Kad tersebut yang mungkin tidak disahkan. Sekiranya Bank tidak dapat menghubungi anda Bank boleh (tetapi tidak berwajib) menolak transaksi tersebut tanpa liabiliti kepada Bank. Sekiranya Bank membenarkan transaksi tersebut dilakukan, anda masih bertanggungjawab untuk caj yang dialami dan/atau wang yang dikeluarkan.

## **12. FI DAN CAJ**

- 12.1 Pemegang Akaun bersetuju untuk membayar fi dan caj berikut untuk Akaun tersebut yang mana akan didebit dari Akaun tersebut:
- (i) suatu fi tahunan;
  - (ii) cukai perkhidmatan atau cukai lain yang boleh dikenakan oleh pihak berkuasa berkenaan dari semasa ke semasa;
  - (iii) fi penggantian Kad untuk pengeluaran Kad penggantian (tidak terpakai kepada penggantian Kad yang luput);
  - (iv) caj untuk salinan draf jualan/pengeluaran wang dan dokumen sokongan atau perkhidmatan lain yang diminta;
  - (v) fi dan caj untuk mana-mana atau semua transaksi Akaun tersebut yang dikendalikan melalui penggunaan ATM; dan
  - (vi) fi penyata kertas untuk salinan Penyata (tidak terpakai kepada warga emas dan pelanggan yang berupaya berlainan i.e. individu dengan kekurangan upaya fizikal, mental, intelek dan deria); dan
  - (vii) fi dan caj sedemikian yang dikenakan selepas Bank telah memberi Pemegang Akaun dua puluh satu (21) hari kalendar sebelum notis kuatkuasa.

Untuk butir lengkap berkenaan fi dan caj yang terpakai berkaitan dengan Kad tersebut dan/atau penggunaan Akaun tersebut, sila rujuk kepada jadual struktur fi di laman web Bank.

- 12.2 Fi dan caj yang dikenakan yang sedia ada adalah dipaparkan di laman web Bank. Jika fi dan caj adalah ditukar, Pemegang Akaun akan diberi sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar sebelum tarikh kuatkuasa penukaran.

## **13. CUKAI**



- 13.1 Atas pengaktifan mana-mana Kad prinsipal dan tambahan, setiap Kad akan dicaj cukai perkhidmatan sedia ada seperti yang didedahkan di Kertas Pendedahan Produk ("PDS") untuk Akaun tersebut dan seperti yang dipaparkan di laman web Bank.
- 13.2 Semua fi dan caj yang dinyatakan di sini adalah termasuk cukai perkhidmatan yang mana Pemegang Akaun adalah bertanggungjawab untuk dan yang mana Pemegang Akaun memberikuasa kepada Bank untuk mendebitkan dari Akaun tersebut.

#### **14. REKOD TRANSAKSI DAN MATA WANG PENGEBILAN**

##### **14.1 Mana-mana:-**

- (i) draf jualan, rekod transaksi, baucar kredit dan/atau rekod caj, yang direkodkan secara elektronik atau sebaliknya; dan/atau
- (ii) rekod oleh Bank berkenaan pengeluaran wang tunai atau transaksi lain menggunakan Kad tersebut (termasuk rekod pesanan pos, telefon, internet atau transaksi elektronik lain);

boleh Bank bergantung kepada sebagai bukti caj yang dikendalikan secara sah oleh Pemegang Akaun walaupun tandatangan Pemegang Akaun tidak wujud atau jika terdapatnya tandatangan, ia berlainan dengan tandatangan Pemegang Akaun. Rekod Bank adalah konklusif dan mengikat pada Pemegang Akaun untuk semua tujuan, kecuali Pemegang Kad boleh menunjukkan kesilapan terlampau dalam rekod Bank.

- 14.2 Jika Bank menerima bukti dokumen yang tidak boleh dipertikaikan yang menunjukkan suatu transaksi Kad adalah frod dan Pemegang Akaun tidak menyumbang kepada frod melalui tindakan dan/atau kegagalan tindakan Pemegang Akaun dan Pemegang Akaun telah mematuhi Perjanjian ini secara ketat, Bank boleh melepaskan Pemegang Akaun dari liabiliti untuk membayar transaksi frod tersebut.

##### **14.3 Semua transaksi yang dibuat dalam mata wang asing kecuali Ringgit Malaysia (RM) akan:-**

- (i) ditukar kepada Ringgit Malaysia (RM) pada kadar penukaran yang ditetapkan oleh Mastercard pada tarikh transaksi diposkan kepada Akaun tersebut; dan
- (ii) tertakluk kepada suatu caj pentadbiran sebanyak 1% jumlah transaksi dan ditambah kepada penukaran mata wang asing di atas pada tarikh transaksi diposkan kepada Akaun tersebut; dan
- (iii) tertakluk kepada apa-apa fi yang boleh dicajkan dan ditentukan secara konklusif oleh Mastercard.

- 14.4 Kadar penukaran mata wang dan fi yang dicajkan oleh Mastercard boleh berubah dan adalah dipaparkan di laman webnya. Bank boleh menambah atau menukar sebaliknya caj pentadbiran dengan memberi Pemegang Akaun notis dua puluh satu (21) hari kalendar sebelum penukaran.

#### **15. ARAHAN TELEKOMUNIKASI**

- 15.1 Dalam semua perkara berkaitan dengan Akaun tersebut, Pemegang Akaun boleh menghubungi Pusat Panggilan Bank dan memberi arahan melalui telefon tetapi Bank tidak berkewajipan untuk menerima arahan sedemikian, terutamanya berkaitan perkara-perkara berikut:

- (i) pelaporan Kad yang hilang;
- (ii) penggantian Kad yang hilang atau rosak;
- (iii) pengaktifan atau penamatan transaksi luar negara; dan
- (iv) transaksi lain yang Bank boleh bersetuju kepada.

- 15.2 Sebelum menerima arahan melalui telefon, Bank akan melalui wakilnya mengesahkan identiti Pemegang Akaun dan boleh mengkehendaki Pemegang Akaun untuk membekalkan butir-butir peribadi.

- 15.3 Kecuali untuk melaporkan Kad yang hilang, Bank boleh meminta Pemegang Akaun untuk membekalkan pengesahan bertulis untuk arahnya sebelum mengambil apa-apa tindakan.
- 15.4 Pemegang Akaun bersetuju bahawa:
- (i) percakapan telefon Pemegang Akaun dengan wakil Bank boleh direkodkan; dan
  - (ii) Pemegang Akaun adalah bertanggungjawab secara tunggal jika pihak ketiga yang tidak diberikuasa terdengar percakapan tersebut.
- 15.5 Bank adalah juga dibenarkan untuk bertindak atas arahan yang diberi melalui cara elektronik atau telekomunikasi lain, dan Bank boleh bergantung kepada permintaan yang dibuat oleh Pemegang Akaun kepada sesiapa peniaga untuk mencajkan Kad tersebut dan mendebitkan Akaun tersebut dengan jumlah yang dicajkan.

## **16. KEPATUHAN UNDANG-UNDANG DAN PENGGUNAAN DAN PENYEDIAAN BERSYARAT AKAUN/KAD**

- 16.1 Pemegang Akaun mesti memastikan bahawa Pemegang Akaun mematuhi semua undang-undang berkenaan penggunaan Kad tersebut dan tidak menggunakannya untuk tujuan yang menyalahi undang-undang atau haram. Ini termasuk mematuhi peraturan penukaran asing dan pentadbiran dan peraturan lain Bank Negara Malaysia ("**BNM**") dan tidak menggunakan Kad tersebut untuk apa-apa aktiviti yang menyalahi undang-undang atau haram termasuk tetapi tidak terhad kepada judi atas talian atau pembelian barangan dan/atau perkhidmatan haram.
- 16.2 Akaun tersebut dan/atau Kad tersebut adalah tersedia kepada Pemegang Akaun atas syarat bahawa penyediaan atau penyediaan berterusannya tidak akan secara langsung atau tidak langsung memungkiri apa-apa undang-undang, undang-undang kecil atau keperluan pengawalan sedia ada, arahan atau perintah yang diisukan oleh BNM dan/atau perbadanan lain yang mempunyai kuasa atau bidangkuasa terhadap Bank atau seperti yang dipinda dari semasa ke semasa ("**Peraturan dan Undang-Undang Terpakai**") yang termasuk:
- (i) Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan semua garis panduan dan arahan yang diisukan oleh BNM;
  - (ii) apa-apa had pinjaman atau sekatan yang dikenakan pada Bank dari semasa ke semasa oleh BNM atau pihak berkuasa kerajaan dan/atau kawalan; dan
  - (iii) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001.
- 16.3 Pemegang Akaun mesti memaklumkan Bank dengan serta-merta secara bertulis jika Pemegang Akaun mengetahui apa-apa kemungkiran atau ketidakpatuhan mana-mana Peraturan dan Undang-Undang Terpakai atau Perjanjian ini.

## **17. AKAUN TIDAK AKTIF/DORMAN**

- 17.1 Akaun tanpa kredit dan/atau transaksi debit untuk enam (6) bulan atau lebih akan dianggap sebagai akaun dormant, yang mana Bank berhak untuk menggantung dan menutup Akaun tersebut dengan serta-merta. Transaksi debit yang dikendalikan oleh Bank untuk bayaran fi dan/atau caj pada Akaun tersebut tidak diambil kira sebagai transaksi.
- 17.2 Jika Akaun tersebut dianggap sebagai dormant, Pemegang Akaun mesti melakukan mana-mana transaksi kredit pada Akaun tersebut untuk mengelak penutupan Akaun tersebut.

- 17.3 Bank perlu memberi notis terdahulu sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari sebelum penutupan Akaun tersebut kepada Pemegang Akaun.

## **18. PENGGANTUNGAN DAN/ATAU PEMBATALAN AKAUN/KAD**

- 18.1 Pemegang Akaun boleh pada bila-bila masa menggantung operasi atau penggunaan Akaun tersebut, atau mengeneipkan penggantungan Akaun tersebut dengan memaklumkan Bank.
- 18.2 Akaun tersebut dan/atau Kad tersebut dan apa-apa kemudahan boleh ditarikbalik, digantung dan/atau dibatalkan pada bila-bila masa oleh Bank melalui notis kepada Pemegang Akaun walaupun tiada keingkaran berlaku.
- 18.3 Pemegang Akaun boleh menutup Akaun tersebut pada bila-bila masa melalui CIMB Clicks atau dengan memaklumkan Bank. Atas penutupan, Pemegang Akaun mesti:
- (i) memotong Kad tersebut merentas strip magnet dan juga cip yang terbenam dalam Kad tersebut; dan
  - (ii) memulangkan Kad tersebut kepada Bank atas permintaan kerana Kad tersebut dimiliki oleh Bank.
- 18.4 Pemegang Akaun akan masih bertanggungjawab untuk semua transaksi yang diposkan kepada Akaun tersebut dan/atau Kad tersebut sebelum Bank menerima notifikasi Pemegang Akaun untuk penutupan/penamatan dan Akaun tersebut ditutup secara formal atau Kad tersebut dibatalkan dalam rekod Bank.
- 18.5 Bank boleh melalui notis kepada Pemegang Akaun, dengan serta-merta, menarikbalik, menggantung dan/atau membatalkan Akaun tersebut dan/atau Kad tersebut atas mana-mana keadaan berikut (walaupun Bank mungkin membenarkan keadaan berikut berlaku tanpa akibat sebelum ini):-
- (i) Pemegang Akaun melakukan atau mengancam untuk melakukan keingkaran Perjanjian ini atau terma dan syarat Akaun Lain Pemegang Akaun;
  - (ii) Pemegang Akaun menjadi bankrap atau terdapat pihak memohon di Mahkamah untuk membankrapkan Pemegang Akaun;
  - (iii) maklumat yang diberi oleh Pemegang Akaun kepada Bank didapati palsu, tidak lengkap atau tidak tepat;
  - (iv) jika Pemegang Akaun menjadi tidak siaman atau meninggal dunia;
  - (v) jika Bank tidak lagi mengetahui di mana Pemegang Akaun berada;
  - (vi) jika transaksi yang mencurigakan atau di luar biasa dilakukan atas Akaun tersebut dan/atau Kad tersebut dan Bank berpendapat bahawa penggantungan dan/atau penamatan adalah diperlukan secara munasabah untuk mencegah transaksi frod atau transaksi yang tidak dibenarkan;
  - (vii) jika Pemegang Akaun memungkirkan apa-apa undang-undang atau peraturan berkaitan penggunaan Akaun tersebut dan Kad tersebut;
  - (viii) jika Bank mengesyaki bahawa Akaun tersebut dan/atau Kad tersebut digunakan untuk aktiviti atau tujuan yang menyalahi undang-undang;
  - (ix) jika Bank mengesyaki bahawa Akaun tersebut dan/atau Kad tersebut digunakan untuk tujuan komersial seperti pembelian barangan untuk tujuan jualan semula;

- (x) jika kerana domisil, kewarganegaraan, status kedudukan, status cukai, atau status relevan yang lain, dengan membenarkan Pemegang Akaun meneruskan untuk menggunakan Akaun tersebut dan/atau Kad tersebut, Bank akan memungkirkan undang-undang atau peraturan yang terpakai, keperluan dalamannya, polisi atau amalan dan prosedur perniagaannya yang biasa;
- (xi) jika kerana apa-apa undang-undang atau penukaran apa-apa undang-undang atau keperluan kawalan (sama ada mempunyai atau tidak mempunyai kesan undang-undang), ia akan menjadi haram atau Bank dilarang dari membenarkan Pemegang Akaun untuk penggunaan berterusan Akaun tersebut dan/atau Kad tersebut; atau
- (xii) jika pihak berkuasa kawalan atau pihak berkuasa fiskal atau kewangan (sama ada mempunyai atau tidak mempunyai kesan undang-undang) meminta Bank untuk memberhentikan penggunaan Akaun tersebut dan/atau Kad tersebut oleh Pemegang Akaun tersebut.

18.6 Atas penamatan atau penutupan Akaun tersebut dan/atau pembatalan Kad tersebut, tiada pengembalian atau pengembalian sebahagian mana-mana fi atau caj akan diberi kepada Pemegang Akaun.

18.7 Bank akan membayar baki dalam Akaun tersebut kepada Pemegang Akaun dalam tiga puluh (30) hari kalendar dari penutupan Akaun tersebut melalui draf jurubank atau pemindahan dana kepada suatu akaun yang dinyatakan oleh Pemegang Akaun atau Akaun Lain Pemegang Akaun.

## **19. PEMBATALAN / PENGGANTUNGAN KERANA KEGANASAN ATAU PENUKARAN KEADAAN LAIN**

19.1 Tambahannya, Bank boleh juga :-

- (i) menggantungkan Akaun tersebut dan/atau Kad tersebut; dan/atau
- (ii) membatalkan Akaun tersebut dan/atau Kad tersebut;

jika terdapatnya penukaran dalam keadaan atau apa-apa keadaan atau keadaan berturutan (termasuk tindakan kekerasan, keganasan, permusuhan atau peperangan, darurat, tindakan rebel, revolusi, pemberontakan, rampasan atau bencana lain) berlaku di dalam atau di luar Malaysia yang mana pada pendapat Bank:-

- (i) menjadikan ia lebih berisiko, lebih mahal atau lebih sulit untuk Bank untuk berterus untuk menyediakan Akaun tersebut dan/atau Kad tersebut untuk penggunaan Pemegang Akaun atau untuk mematuhi kewajipannya di bawah Perjanjian ini; atau
- (ii) boleh menjejaskan kebolehan atau kesediaan Pemegang Akaun untuk mematuhi Perjanjian ini atau menjadikan ia tidak mungkin untuk Pemegang Akaun untuk boleh atau sedia untuk berbuat demikian.

## 20. TANGGUNGJAWAB DAN LIABILITI PEMEGANG AKAUN

- 20.1 Pemegang Akaun adalah bertanggungjawab sepenuhnya untuk semua transaksi termasuk apa-apa kesilapan kemasukan di terminal tahap jualan dan sama ada tidak diproseskan dengan pengetahuan, persetujuan atau kuasa Pemegang Akaun.
- 20.2 Pemegang Akaun dengan ini memberi kuasa kepada Bank untuk mendebit Akaun tersebut dengan jumlah apa-apa bayaran, pembelian, pengeluaran wang tunai atau pemindahan dana yang dilakukan menggunakan Kad tersebut seperti rekod transaksi Bank.
- 20.3 Pemegang Akaun mesti menggunakan perhatian, kerajinan dan jagaan paling tinggi untuk mengelakkan kehilangan, pencurian atau penggunaan secara frod Kad tersebut dan untuk mengelak pendedahan butir Kad tersebut atau PIN kepada mana-mana pihak. Kewajipan untuk menggunakan perhatian, kerajinan dan jagaan paling tinggi untuk mengelakkan kehilangan, pencurian atau penggunaan secara frod Kad tersebut dan untuk mengelakkan pendedahan PIN Pemegang Akaun tersebut kepada mana-mana pihak termasuk:-
- tidak menggunakan PIN yang dipilih dari tarikh kelahiran, kad pengenalan, paspot, lesen memandu atau nombor telefon Pemegang Akaun;
  - tidak membenarkan pihak lain untuk menggunakan Kad tersebut dan PIN;
  - tidak menulis PIN pada Kad atau item-item lain yang biasanya disimpan bersama atau dekat dengan Kad tersebut;
  - tidak menulis PIN dalam apa jua cara yang boleh difahami oleh pihak lain;
  - tidak mendedahkan butir Kad tersebut atau PIN kepada mana-mana pihak; dan
  - tidak membenarkan Kad di luar pandangan dan milikan Pemegang Akaun.
- 20.4 Pemegang Akaun dikehendaki memberi indemniti dan memegang Bank bebas dari apa-apa liabiliti untuk kerugian, kerosakan, kos dan perbelanjaan (guaman atau sebaliknya) berbangkit dari kemungkiran kewajipan sedemikian oleh Pemegang Akaun.
- 20.5 Pemegang Akaun mesti memaklumkan Bank secara serta-merta melalui Pusat Panggilan Bank atau menghadiri cawangan Bank:-
- (i) selepas mendapati bahawa Kad tersebut telah hilang atau dicuri atau jika PIN mungkin dikompromi atau jika apa-apa transaksi yang tidak disahkan telah berlaku;
  - (ii) apabila Pemegang Akaun menerima SMS awasan transaksi untuk suatu transaksi yang tidak disahkan oleh Pemegang Akaun; dan
  - (iii) apabila Pemegang Akaun telah menukar nombor telefonnya.
- 20.6 Bank boleh memerlukan Pemegang Akaun untuk membekalkan Bank dengan suatu laporan polis dalam tujuh (7) hari kalendar dari tarikh kehilangan dan/atau pencurian dan/atau pendedahan PIN kepada pihak ketiga. Bank boleh mengisukan permintaan secara bertulis atau secara lisan dan merekodkan permintaan lisan tersebut. Pemegang Akaun bersetuju untuk arahan atau permintaan telefon direkodkan dan disimpan oleh Bank dan bersetuju bahawa rekod tersebut adalah konklusif dan mengikat untuk semua tujuan.
- 20.7 Bank boleh bertindak atas arahan telefon Pemegang Akaun dan tidak akan bertanggungjawab kepada Pemegang Akaun untuk apa-apa kehilangan atau kerosakan yang ditanggung atau dialami akibat tindakan tersebut.

- 20.8 Pemegang Akaun bersetuju bahawa rekod dan penyimpanan panggilan telefon Pemegang Akaun dengan Bank dan bersetuju untuk memberi indemniti dan memastikan Bank diberi indemniti terhadap semua kehilangan, tuntutan, prosiding, tuntutan, kerosakan, kos dan perbelanjaan yang ditanggung atau dialami oleh Bank bagaimana berbangkit atau berkaitan dengan semua arahan sedemikian.
- 20.9 Jika Kad tersebut adalah hilang atau dicuri dan/atau PIN dikompromi, Pemegang Akaun adalah bertanggungjawab untuk semua caj yang dikenakan pada Kad tersebut sebelum Bank menerima notifikasi bertulis atau lisan daripada Pemegang Akaun untuk kehilangan dan/atau pencurian Kad tersebut dan/atau pendedahan PIN. Pemegang Akaun adalah bertanggungjawab untuk:-
- 21.9.1 Transaksi berdasarkan PIN, jika Pemegang Akaun:-
- (i) bertindak secara frod;
  - (ii) tidak memaklumkan Bank secepat mungkin yang munasabah selepas mendapati kehilangan atau penggunaan Kad tersebut yang tidak disahkan;
  - (iii) secara sukarela mendedahkan PIN kepada pihak lain; atau
  - (iv) merekodkan PIN pada Kad tersebut, atau pada apa-apa yang dekat dengan Kad tersebut;
- 21.9.2 transaksi yang tidak disahkan yang memerlukan verifikasi tandatangan atau penggunaan Kad untuk Transaksi Tanpa Sentuh, jika Pemegang Akaun:-
- (i) bertindak secara frod;
  - (ii) tidak memaklumkan Bank secepat mungkin yang munasabah selepas mendapati kehilangan atau penggunaan Kad tersebut yang tidak disahkan;
  - (iii) membiarkan Kad tanpa jagaan atau gagal menyimpan Kad tersebut dengan selamat; atau
  - (iv) secara sukarela membenarkan pihak lain untuk menggunakan Kad tersebut.
- 20.10 Jika Pemegang Akaun tidak berpuas hati dengan keputusan Bank berkaitan dengan transaksi yang tidak disahkan dan/atau untuk apa perkara yang lain, Pemegang Akaun boleh merujuk pertikaian tersebut kepada Ombudsman untuk Perkhidmatan Kewangan untuk menyelesaikan pertikaian tersebut.
- 20.11 Jika Kad tersebut yang dilaporkan oleh Pemegang Akaun sebagai hilang atau dicuri dapat dicari, Kad tersebut tidak boleh diguna lagi.
- 20.12 Bank tidak perlu mengisukan Kad penggantian kepada Pemegang Akaun selepas ia hilang atau dicuri. Akan tetapi, jika Bank memutuskan untuk mengisukan Kad Penggantian, Bank boleh mencajkan suatu fi dan memastikan bahawa Pemegang Akaun memberi Bank suatu indemniti yang diperlukan oleh Bank. Kad Penggantian juga tertakluk kepada Perjanjian ini.

## **21. PEMBAHARUAN KAD**

Sebelum keluputan Kad tersebut, Bank boleh mengisukan suatu Kad penggantian. Bank berhak untuk tidak mengisukan Kad penggantian dan akan memaklumkan Pemegang Akaun keputusannya.

## **22. PENYATA AKAUN**

- 22.1 Pemegang Akaun bersetuju bahawa:-

- (i) Penyata berkaitan dengan penggunaan Kad tersebut dan semua fi, caj pengendalian, caj tambahan dan apa-apa fi dan caj terpakai yang didebitkan kepada Akaun tersebut akan disediakan kepada Pemegang Akaun atas talian di CIMB Clicks dan semua Penyata adalah dianggap diterima oleh Pemegang Akaun selepas ia disediakan di CIMB Clicks;
- (ii) Bank boleh memilih mana-mana hari bulan sebagai tarikh Penyata bulanan; dan
- (iii) Pemegang Akaun mesti membaca dan mengkaji dengan berhati-hati setiap kemasukan di Penyata dalam empat belas (14) hari kalendar dari tarikh Penyata dianggap diterima dan apa-apa kesilapan atau perbezaan di Penyata mesti dimaklumkan kepada Bank dengan serta-merta. Jika tidak, Pemegang Akaun akan dianggap sebagai menerima dengan konklusif kandungan Penyata tersebut sebagai benar dan betul dan tidak berhak untuk memperbetulkan kesilapan dan perbezaan tersebut.

22.2 Jika Pemegang Akaun meminta untuk salinan cetakan Penyata bulanan, Bank boleh mencajkan suatu fi yang dinyatakan di laman web Bank dan jumlah sedemikian boleh didebitkan dari Akaun tersebut. Bank tidak berkewajipan untuk membekalkan Pemegang Akaun dengan apa-apa Penyata, atau salinan slip jualan atau rekod transaksi yang telah berlaku lebih dari dua belas (12) bulan dari tarikh permintaan Pemegang Akaun.

### 23. PENGECUALIAN

Hak-hak Bank dalam Perjanjian ini adalah kumulatif dan adalah secara tambahan kepada haknya, sedia ada di bawah undang-undang dan boleh dilaksanakan berkali-kali seperti yang dianggap sesuai. Hak Bank hanya boleh dikecualikan dan diubah dengan pengecualian nyata atau perubahan secara bertulis. Apa-apa kegagalan atau kelewatan dalam melaksanakan haknya tidak akan dianggap sebagai pengecualian atau pengubahan hak Bank. Perlaksanaan secara salah atau secara sebahagian hak Bank juga tidak akan melarang Bank dari perlaksanaan selanjut haknya. Perbincangan dengan Pemegang Akaun atau tindakan lain oleh Bank tidak dianggap sebagai penggantung hak Bank atau melarang Bank dari melaksanakan hak tersebut.

### 24. HAK UNTUK TOLAKAN DAN DEBIT

24.1 Bank boleh menggabung dan mencantum Akaun tersebut dengan Akaun Lain Pemegang Akaun ("**Akaun Deposit**"), dan menolak dan/atau memindah mana-mana baki kredit di Akaun Deposit ke dalam atau kepada penyelesaian mana-mana liabiliti Pemegang Akaun kepada Bank, sama ada liabiliti tersebut kepada Bank adalah sebenar, kontingen, utama, sampingan, berasingan, bersama, atau dalam mata wang asing ("**Keberhutangan**") dengan memberi Pemegang Akaun notis terdahulu tujuh (7) hari kalendar, sementara Bank boleh membekukan wang dalam Akaun Deposit. Atas keluputan tempoh notis, Bank boleh menolak kesemua baki kredit dari Akaun Deposit kepada penyelesaian Keberhutangan tersebut.

24.2 Hak Bank untuk membekukan Akaun Deposit dan menolak boleh dilaksanakan berkenaan (a) mana-mana akaun semasa bersama dan atau mana-mana akaun bersama Pemegang Akaun dan menggunakannya untuk menolak Keberhutangan yang ditanggung kepada Bank oleh sesiapa pemegang akaun bersama atau sesiapa pemegang akaun bersama dengan orang lain; (b) Pemegang Akaun dan atau sesiapa pemegang akaun bersama yang telah melakukan tindakan kebangkrutan atau yang telah suatu notis kebangkrutan dan atau penggulungan difailkan terhadap Pemegang Akaun atau sesiapa pemegang akaun bersama; (c) Pemegang Akaun atau sesiapa pemegang akaun bersama yang telah dihukum bankrap atau digulungkan; dan (d) mana-mana Pemegang Akaun yang telah meninggal dunia atau sesiapa pemegang akaun bersama yang telah meninggal dunia.

24.3 Bank dibenarkan secara tidak boleh dibatal untuk mendebit Akaun tersebut untuk bayaran-bayaran berikut:

- (i) fi, kos, perbelanjaan, caj yang perlu dibayar dalam apa jua keadaan ditanggung dan atau dicaj untuk Akaun Lain Pemegang Akaun;
- (ii) cukai, duti setem dan levi atau caj lain yang dikenakan oleh kerajaan dan perlu dibayar oleh Pemegang Akaun untuk Akaun tersebut dan/atau Akaun Lain Pemegang Akaun;
- (iii) kerugian dan atau kerosakan dialami dan atau ditanggung dalam apa jua keadaan oleh Bank dalam melakukan permintaan dan arahan Pemegang Akaun dan atau dalam membekalkan perkhidmatan berkaitan dengan Akaun tersebut berikutan kepada Perjanjian ini;
- (iv) jumlah yang dihutang kepada Bank berbangkit dari apa-apa indemniti dan/atau jaminan yang diberi oleh Pemegang Akaun memihak kepada Bank untuk pembekalan apa-apa perkhidmatan dan kemudahan lain oleh Bank kepada Pemegang Akaun;
- (v) bayaran yang dibuat, dipindah atau dikredit ke dalam Akaun tersebut kerana kesilapan Bank dan atau kerana tuntutan pihak ketiga bahawa jumlah relevan telah salah dibayar oleh pihak ketiga kepada Akaun tersebut dan atau kerana tuntutan oleh pihak ketiga bahawa beliau telah ditipu, difrodkan atau dikelirukan kepada membuat bayaran tersebut kepada Akaun tersebut dan atau kerana kesilapan operasi dan atau sistem Bank dan sebab-sebab lain yang di luar kawalan munasabah Bank;
- (vi) hasil instrumen kewangan yang telah dikreditkan oleh Bank kepada Akaun tersebut pada awalnya jika instrumen kewangan tersebut kemudiannya tidak ditunaikan;
- (vii) jumlah yang dikreditkan kepada Akaun tersebut kerana disyaki bahawa instrumen diganggu / arahan / transaksi frod, tidak mengira sama ada Pemegang Akaun terlibat atau tidak;
- (viii) bayaran atas permintaan Bank Negara Malaysia dan atau Polis Diraja Malaysia dan/atau pihak berkuasa yang lain berikutan kepada undang-undang terpakai;
- (ix) fi guaman, pengeluaran, perbelanjaan dan kos (pada dasar peguamcara dan anakguam dan indemniti penuh) yang ditanggung oleh Bank disebabkan oleh mana-mana:
  - (a) pemulihan keberhutangan yang terhutang di bawah apa-apa kemudahan atau pinjaman yang diberi oleh Bank kepada Pemegang Akaun;
  - (b) prosiding garnishee yang difailkan dan diserahkan pada Bank dan di mana Bank dinamakan sebagai garnishee berkenaan Akaun tersebut dan atau Akaun Lain Pemegang Akaun;
  - (c) interpleader atau prosiding Mahkamah lain yang difailkan oleh Bank berkenaan Akaun tersebut dan/atau Akaun Lain Pemegang Akaun;
  - (d) injuksi atau prosiding Mahkamah lain yang difailkan terhadap Akaun tersebut dan/atau Akaun Lain Pemegang Akaun, sama ada Bank dinamakan sebagai pihak atau tidak; dan
  - (e) prosiding undang-undang yang difailkan terhadap Bank oleh Pemegang Akaun atau mana-mana pihak yang melibatkan Akaun Semasa dan/atau Akaun Lain Pemegang Akaun jika Bank berjaya dalam pembelaannya dalam prosiding undang-undang tersebut; dan
- (x) bayaran pendahuluan kepada Pemegang Akaun dan atau pihak ketiga di bawah apa-apa pengaturan antara Bank dan Pemegang Akaun dan atau di bawah apa-apa kemudahan yang diberi oleh Bank kepada Pemegang Akaun.

## 25. HAD LIABILITI DAN INDEMNITI



- 25.1 Pemegang Akaun bersetuju untuk memberi indemniti sepenuhnya kepada Bank dan memegang Bank bebas dari segala penalti, kerosakan, tuntutan, kerugian, kos, perbelanjaan (termasuk kos guaman pada dasar peguamcara dan anakguam), cukai atau duti yang mana boleh ditanggung oleh Bank berkaitan dengan mana-mana atau semua akaun atau pelaksanaan Bank atas apa-apa arahan (tidak kira sama ada arahan tersebut mungkin adalah frod atau tidak disahkan) kecuali pemegang akaun boleh membuktikan penalti, kerosakan, tuntutan, kerugian, kos, perbelanjaan, cukai atau duti tersebut adalah disebabkan oleh kecuaiian terlampau atau keingkaran sengaja Bank.
- 25.2 Pemegang Akaun selanjutnya bersetuju bahawa semua dana, wang, sekuriti dan barangan berharga dan hartanah yang dimiliki oleh Pemegang Akaun dan didepositkan dengan Bank di bawah Akaun tersebut dan atau Akaun Lain Pemegang Akaun ("**hartanah**") akan secara automatik menjadi sekuriti Bank dan Bank berhak untuk (i) menolak atau mendebit mana-mana wang yang membentuk hartanah atau hasil dari jualan hartanah untuk tujuan membayar mana-mana liabiliti yang ditanggung oleh Pemegang Akaun kepada Bank dalam Perjanjian ini (ii) menyimpan dan menahan hartanah tersebut sehingga liabiliti Pemegang Akaun kepada Bank diselesaikan sepenuhnya.
- 25.3 Berkenaan Klausula 26.1, Bank akan memaklumkan Pemegang Akaun jumlah yang perlu diberi indemniti dan sijil Bank yang menunjukkan jumlah tersebut adalah dianggap muktamad, mengikat dan konklusif dan Bank boleh juga mendebit jumlah tersebut dari Akaun tersebut.
- 25.4 Bank tidak bertanggungjawab untuk apa-apa kerugian, kerosakan, kecederaan, kesulitan atau kemaluan yang dialami oleh pemegang akaun atas alasan kelewatan dalam pelaksanaan atau ketidaklaksanaan kewajipan Bank disebabkan oleh alasan di luar kawalan munasabah Bank, termasuk tetapi tidak terhad kepada kegagalan, kerosakan, gangguan atau pecahan komputer, elektronik, elektrik dan sistem untuk apa-apa jumlah tempoh masa.

## **26. BANK TIDAK BERKEWAJIPAN UNTUK TINDAKAN PENIAGA ATAU PIHAK KETIGA LAIN**

- 26.1 Bank tidak bertanggungjawab jika mana-mana peniaga, bank dan/atau ahli institusi Mastercard enggan menerima Kad tersebut atau terdapatnya apa-apa defek atau kekurangan dalam barangan atau perkhidmatan yang dibekal kepada Pemegang Akaun. Semua pertikaian mesti diselesaikan secara langsung antara Pemegang Akaun dan peniaga atau pembekal berkenaan dan Pemegang Akaun mesti tidak membabitkan Bank dalam pertikaian tersebut. Tiada tuntutan Pemegang Akaun terhadap mana-mana peniaga atau pembekal boleh disubjekkan kepada apa-apa tolakan atau tuntutan balas terhadap Bank. Pemegang Akaun bersetuju untuk membayar untuk caj-caj yang diposkan kepada Akaun tersebut dan tidak menahan apa-apa bayaran kepada Bank kerana ia mempunyai aduan terhadap mana-mana peniaga atau pembekal. Jika Pemegang Akaun berniat untuk memulangkan apa-apa barangan atau menamatkan perkhidmatan yang didapati atas Kad tersebut, semua pemulangan mesti dibuat melalui nota kredit oleh peniaga atau pembekal kepada Bank. Atas penerimaan nota kredit, Bank akan mengkreditkan pemulangan tersebut kepada Akaun tersebut. Tiada pemulangan tunai dibenarkan.
- 26.2 Bank juga tidak bertanggungjawab untuk kerugian yang dialami atau kemaluan atau kesulitan yang dialami oleh Pemegang Akaun jika Kad tersebut tidak diterima untuk pengeluaran wang tunai, Kad tersebut ditolak oleh mana-mana ATM, Kad tidak diperbaharui, disekat, dibatalkan, atau hadnya dikurangkan, atau jika Bank telah bertindak secara munasabah untuk melindungi haknya di bawah dan di dalam Perjanjian ini, kecuali ia disebabkan secara langsung oleh kecuaiian terlampau dan keingkaran sengaja oleh Bank.

## **27. PINDAAN**

- 27.1. Bank boleh meminda (sama ada mengubahsuai, menambah, mengeluarkan dari atau meminda sebaliknya) ("**Pindaan**") mana-mana terma dan syarat ini dengan memberi Pemegang Akaun notis terdahulu sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar.

- 27.2. Pindaan tersebut akan terpakai pada tarikh kuatkuasa yang dinyatakan oleh Bank. Pemegang Akaun boleh menutup Akaun tersebut dan menamatkan Kad tersebut jika Pemegang Akaun tidak bersetuju kepada Pindaan tersebut. Dengan menyimpan Akaun dan Kad tersebut, dan/atau menggunakan Kad selepas tarikh kuatkuasa Pindaan tersebut, Pemegang Akaun adalah dianggap telah menerima Pindaan tersebut tanpa syarat.
- 27.3. Perjanjian ini (dan Pindaan tersebut) adalah dimaksudkan sebagai penyata lengkap semua terma kontrak berkenaan dengan perkara berkaitan dengan Akaun tersebut dan/atau Kad tersebut dan menggantikan perjanjian dan pemahaman antara Bank dan Pemegang Akaun sebelum ini.

## 28. PENYERAHAN NOTIS

28.1. Notis dan komunikasi lain kepada Pemegang Akaun adalah secara mana cara-cara berikut dan akan dianggap sebagai telah diserahkan kepada Pemegang Akaun berikutnya:

- (i) jika dihantar melalui pos, pada hari ketujuh (7) selepas pengeposan; atau
- (ii) jika dihantar secara kediri, pada masa penghantaran atau utusan; atau
- (iii) jika melalui kurier, secara serta-merta atas pengakuan penerimaan pada nota kiriman kurier; atau
- (iv) jika melalui cara serta-merta lain (termasuk e-mel, perkhidmatan pesanan ringkas (sms) dan rakaman suara), serta-merta; atau
- (v) jika melalui penerbitan pada laman web Bank atau di mana-mana cawangan Bank, pada hari penerbitan.

28.2. Pemegang Akaun adalah bertanggungjawab untuk memastikan notis dan/atau komunikasi dari Bank tidak dibaca atau diakses oleh pihak ketiga. Bank tidak bertanggungjawab dalam apa jua cara untuk (i) apa-apa kemaluan yang disebabkan atau untuk apa-apa kerugian atau kerosakan, jika notis dan/atau komunikasi sedemikian dari Bank dibaca atau diakses oleh pihak ketiga; dan (ii) kerugian atau kerosakan yang dialami oleh Pemegang Akaun melalui:-

- (i) kesilapan dalam penghantaran;
- (ii) ketidaktepatan, ketidaklengkapan, kelewatan, ketidakhantaran atau kesilapan penghantaran kepada mana-mana pihak ketiga;
- (iii) maklumat yang diakses secara salah, atau penggunaan atau penafsiran maklumat yang dihantar yang salah atau tidak disahkan;

dan tuntutan untuk libel dan fitnah berbangkit dari apa-apa maklumat yang dihantar kecuali Pemegang Akaun menunjukkan ia berbangkit dari dan adalah disebabkan secara langsung oleh kecuaiannya terlampau atau keingkaran sengaja oleh Bank.

28.3. Notifikasi boleh dihantar dalam Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris atau bahasa yang Bank memilih.

28.4. Apa-apa notis yang diberi kepada Pemegang Akaun boleh ditandatangani oleh seorang pengarah, pengurus, penolong pengurus, pegawai atau mana-mana peguamcara yang bertindak untuk pihak Bank. Jika notis adalah dijana oleh komputer, tiada tandatangan diperlukan.

28.5. Pemegang Akaun mesti memaklumkan Bank secepatnya jika terdapat penukaran dalam (i) alamat pengeposan, (ii) alamat e-mel, (iii) nombor telefon dan/atau (iv) butir-butir lain yang direkodkan dengan Bank Pemegang Akaun, melalui saluran tertentu yang dibenarkan oleh Bank, untuk memastikan semua notis dan/atau komunikasi sampai kepada Pemegang Akaun pada masa yang tepat.

28.6. Pemegang Akaun memahami bahawa notis sebenar mesti diberi kepada Bank untuk apa-apa penukaran alamat untuk ia berkuatkuasa dan mengikat pada Bank.

- 28.7. Tambahan, jika terdapatnya penukaran kepada (i) nombor telefon; (ii) alamat emel; (iii) butir-butir lain yang direkodkan dengan Bank Pemegang Akaun, Pemegang Akaun mesti memaklumkan Bank secepatnya untuk memastikan semua koresponden dan/atau komunikasi sampai kepada Pemegang Akaun pada masa yang tepat.
- 28.8. Penyampaian apa-apa proses Mahkamah atau penghantaran cek, draf bank, perintah juruwang atau Kad atau dokumen atau item lain boleh juga dilakukan melalui pos biasa atau melalui serahan tangan atau melalui perkhidmatan kurier kepada alamat pengeposan Pemegang Akaun terakhir yang diketahui dalam rekod Bank. Notis adalah dianggap diserahkan tujuh (7) hari kalendar selepas pengeposan jika ia dihantar melalui pos dan pada masa penghantaran, jika dihantar melalui serahan tangan atau kurier. Penyampaian proses Mahkamah juga boleh dilaksanakan melalui apa jua cara yang dibenarkan oleh undang-undang.

## 29. DOKUMEN LANJUTAN

Pemegang Akaun bersetuju untuk menandatangani atau membekalkan semua dokumen tambahan jika diminta oleh Bank.

## 30. SIJIL BUKTI KONKLUSIF

Sebarang sijil yang diisukan atas pihak Bank oleh sesiapa pegawai Bank berkaitan dengan apa-apa perkara berkaitan dengan Kad tersebut, termasuk jumlah yang tersedia di Akaun tersebut, adalah bukti konklusif terhadap anda untuk semua tujuan (termasuk prosiding undang-undang), kecuali terdapatnya kesilapan terlampau.

## 31. PENDEDAHAN MAKLUMAT

- 31.1 Tertakluk kepada peruntukan di bawah yang (i) melarang pendedahan maklumat kepada entiti di kumpulan korporat CIMB Group Holdings Berhad, syarikat pemegang utama Bank ("**Kumpulan Syarikat**") sekiranya dibantah oleh Pemegang Akaun; dan (ii) memerlukan persetujuan nyata Pemegang Akaun untuk pendedahan maklumat kepada pihak ketiga untuk tujuan yang dinyatakan, Pemegang Akaun bersetuju dan memberi kuasa kepada Bank untuk untuk mendedahkan apa-apa maklumat berkenaan Pemegang Akaun, hal ehwal Pemegang Akaun dan/atau Akaun Lain Pemegang Akaun kepada:

- ejen, pembekal perkhidmatan, pengaudit, kaunsel undang-undang dan penasihat profesional Bank di dalam dan di luar Malaysia;
- Bureau Kredit yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia, DCHEQS dan pihak berkuasa lain yang relevan yang mana Bank perlu membuat pendedahan atau mempunyai bidangkuasa terhadap Bank;
- Kumpulan Syarikat sama ada Kumpulan Syarikat tersebut menduduki, berlokasi, menjalankan perniagaan, ditubuhkan atau diperlembagakan di dalam atau di luar Malaysia;

Untuk membolehkan perniagaan, operasi, kemudahan dan perkhidmatan untuk atau diberi kepada atau dibekal oleh Bank dan/atau Kumpulan Syarikat kepada pelanggan mereka; dan juga:

- kepada Mastercard, syarikat dan/atau pertubuhan yang membantu atau membolehkan pemrosesan dan/atau pematuhan transaksi atau arahan yang Pemegang Akaun meminta dan/atau memberi kepada Bank; dan
- bakal penerima pindahan atau penerima hak yang mana Bank berbincang akan pindahan, penyerahan hak dan novasi Akaun tersebut,

Pendedahan kepada Kumpulan Syarikat adalah untuk membolehkan operasi, perniagaan, jualan rentas

dan tujuan lain Bank dan/atau Kumpulan Syarikat dengan syarat sentiasa bahawa **pendedahan untuk jualan rentas tidak akan diefektifkan jika pendedahan tersebut dibantah oleh Pemegang Akaun** dengan menghubungi Bank di nombor telefon atau alamat Bank di bawah (yang mana boleh ditukar oleh Bank dari semasa ke semasa melalui notis kepada Pemegang Akaun): Customer Resolution Unit (CRU). P.O. Box 10338, GPO Kuala Lumpur, 50710 Wilayah Persekutuan. Tel:+603 6204 7788 / e-mel: cru@cimb.com.

Selanjutnya, di mana Bank berniat untuk berkongsi maklumat Pemegang Akaun (tidak termasuk maklumat berkenaan hal ehwal atau akaun Pemegang Akaun) dengan pihak ketiga untuk pakatan strategik, pemasaran dan tujuan promosi, Bank akan memastikan persetujuan dari Pemegang Akaun adalah diperolehi.

- 31.2 Pemegang Akaun bersetuju dan memberi kuasa secara nyata dan menjemput pekerja, kontraktor bebas, wakil dan/atau ejen Bank untuk menghubungi Pemegang Akaun dari semasa ke semasa melalui lawatan peribadi atau komunikasi lisan diefektifkan melalui mana-mana cara komunikasi termasuk tetapi tidak terhad kepada panggilan telefon berkenaan apa-apa promosi.
- 31.3 Tambahan kepada hak Bank di bawah Klausula 32.2, Bank dibenarkan untuk menghubungi dan/atau memaklumkan Pemegang Akaun melalui pos dan atau mel elektronik dan atau telefon dan atau perkhidmatan pesanan ringkas (SMS) dan atau perkhidmatan kurier dan atau cara komunikasi lain yang munasabah yang dipilih oleh Bank berdasarkan alamat pengeposan, alamat e-mel, nombor telefon dan atau butir-butir hubungan Pemegang Akaun yang didepositkan atau direkodkan dengan Bank. Maklumat atau notifikasi yang dihantar oleh Bank akan termasuk maklumat atau notifikasi yang Bank menganggap sesuai atau berkeperluan dan boleh termasuk tetapi tidak terhad kepada apa-apa maklumat berkaitan dengan Akaun tersebut dan atau apa-apa maklumat berkaitan dengan apa-apa perkhidmatan, manfaat, promosi, program Bank dan atau pihak lain yang dianjurkan bersama atau sempena dengan Bank.

## 32. PRIVASI

- 32.1 Pemegang Akaun mengesahkan bahawa Pemegang Akaun telah membaca, memahami dan bersetuju untuk diikat oleh Notis Privasi CIMB Group (yang sedia ada di [www.cimbbank.com.my](http://www.cimbbank.com.my)) dan klausa-klausa di sini, seperti yang berkaitan dengan pemrosesan maklumat peribadi Pemegang Akaun. Untuk mengelakkan keraguan, Pemegang Akaun bersetuju bahawa Notis Privasi tersebut akan dianggap diperbadankan secara rujukan kepada Perjanjian ini.
- 32.2 Sekiranya Pemegang Akaun membekalkan maklumat peribadi dan kewangan berkenaan pihak ketiga, termasuk maklumat berkenaan waris terdekat dan tanggungan Pemegang Akaun, untuk tujuan pembukaan atau pengendalian akaun/kemudahan Pemegang Akaun dengan Bank atau sebaliknya melanggan produk dan perkhidmatan Bank, Pemegang Akaun (a) mengesahkan bahawa Pemegang Akaun telah memperolehi persetujuan mereka atau adalah sebaliknya berhak untuk memberikan maklumat tersebut kepada Bank dan untuk Bank menggunakannya selaras dengan Perjanjian ini; (b) bersetuju untuk memastikan maklumat peribadi dan kewangan pihak ketiga adalah tepat; (c) bersetuju untuk memaklumkan Bank secara bertulis sekiranya terdapatnya penukaran material kepada maklumat peribadi dan kewangan tersebut; dan (d) bersetuju kepada hak Bank untuk menamatkan Akaun ini jika persetujuan tersebut ditarik balik oleh mana satu pihak ketiga.
- 32.3 Di mana Pemegang Akaun mengarahkan Bank untuk mengefakkan apa-apa jenis transaksi rentas sempadan (termasuk untuk membuat atau menerima bayaran), butir-butir relevan transaksi rentas sempadan (termasuk maklumat berkaitan dengan pihak yang terlibat dalam transaksi tersebut) boleh diterima dari atau dihantar kepada luar negara, di mana ia boleh diakses (secara langsung atau tidak langsung) oleh pengawal dan pihak berkuasa luar negara berkaitan dengan kewajipan sah mereka (eg. pencegahan jenayah). Dalam mengarahkan Bank dan/atau ejen kami untuk memasuki apa-apa transaksi rentas sempadan atas pihak Pemegang Akaun, Pemegang Akaun bersetuju kepada pendedahan tersebut atas pihak Pemegang Akaun dan pihak lain yang terlibat dalam transaksi rentas sempadan tersebut.
- 32.4 Bank boleh menggunakan suatu agensi laporan kredit/rujukan dalam membantu untuk membuat keputusan, misalnya apabila Bank perlu (a) menyemak butir-butir pada permohonan untuk kredit dan kemudahan berkaitan kredit atau kemudahan lain; (b) mengurus kredit dan akaun berkaitan kredit atau kemudahan, termasuk mengendalikan kajian semula portfolio Pemegang Akaun; dan/atau memulih hutang. Pemegang Akaun akan dikaitkan oleh agensi laporan kredit/rujukan kepada nama-nama lain yang digunakan atau pernah digunakan oleh Pemegang Akaun, dan pemohon bersama dan berasingan. Bank juga boleh berkongsi maklumat berkenaan Pemegang Akaun dan bagaimana Pemegang Akaun mengendalikan akaun/kemudahan Pemegang Akaun dengan agensi laporan kredit/rujukan yang relevan, dan untuk agensi laporan kredit tersebut mendedahkan maklumat Pemegang Akaun kepada pelanggannya untuk tujuan pengesanan frod dan pencegahan frod.
- 32.5 Walaupun selepas Pemegang Akaun membekalkan Bank dengan apa-apa maklumat, Pemegang Akaun akan mempunyai pilihan untuk menarik balik persetujuan yang diberi terdahulu. Dalam keadaan ini, Bank akan mempunyai hak untuk tidak membekalkan atau memberhentikan bekalan apa-apa produk, perkhidmatan, akaun dan/atau kemudahan yang berkaitan dengan maklumat tersebut.
- 32.6 Bank menzahirkan hak untuk meminda klausa ini dari semasa ke semasa pada budi bicara tunggalnya dan akan memberi notis bertulis yang tidak kurang dari dua puluh satu (21) hari terdahulu kepada Pemegang Akaun dan meletakkan pindaan tersebut di laman web Bank dan/atau meletakkan notis di dewan perbankan atau di lokasi jelas di cawangan-cawangan Bank.
- 32.7 Untuk tujuan Klausa 33 ini, Kumpulan CIMB adalah termasuk CIMB Group Holdings Berhad dan semua syarikat berkaitannya seperti yang didefinisikan di Seksyen 7 Akta Syarikat 2016 dan syarikat dikawal bersama yang membekalkan perkhidmatan kewangan dan perkhidmatan yang terkawal, kecuali syarikat, cawangan, pejabat dan bentuk lain beroperasi di luar Malaysia, dan penggunaan perkataan "Bank" adalah dibaca sebagai rujukan kepada CIMB Group.

32.8 Klausula ini adalah tanpa prejudis kepada klausula lain di Perjanjian ini yang memperuntukkan pendedahan maklumat.

### **33. TIADA PENYERAHAN**

33.1 Pemegang Akaun tidak boleh memindah atau menyerah mana-mana hak, manfaat dan kewajipan Pemegang Akaun di bawah Perjanjian ini tanpa persetujuan bertulis terdahulu oleh Bank dan apa-apa penyerahan dan pemindahan yang dikatakan tanpa persetujuan tersebut adalah terbatal dan tidak sah.

33.2 Bank akan berhak pada bila-bila masa untuk menjual, memindah atau menyerah semua atau mana-mana bahagian hak, hakmilik, kepentingan, manfaat dan kewajipannya di bawah Perjanjian ini kepada sesiapa tanpa persetujuan anda dengan syarat bahawa penjualan, pemindahan atau penyerahan tersebut tidak menjejaskan secara material atau secara teruk hak dan kepentingan Pemegang Akaun. Bank akan memberi Pemegang Akaun notis terdahulu sekurang-kurangnya tujuh (7) hari berkenaan jualan, pemindahan atau penyerahan tersebut.

### **34. KEBOLEHASINGAN**

Sekiranya mana-mana peruntukan Perjanjian ini menjadi tidak sah, haram atau tidak boleh dikuatkuasakan di bawah mana-mana undang-undang, peruntukan yang lain akan tetap sah dan boleh dikuatkuasakan dan tidak akan dengan apa-apa cara menjadi tidak sah atau dijadikan tidak boleh dikuatkuasakan.

### **35. PENYUSUNAN SEMULA BANK**

Kewajipan dan liabiliti Pemegang Akaun di bawah Perjanjian ini akan berterusan walaupun sebarang penggabungan, penyusunan semula atau penukaran perlembagaan Bank.

### **36. FORCE MAJEURE**

Bank tidak akan berkewajipan atau bertanggungjawab jika Bank tidak dapat melaksanakan mana-mana kewajipannya kerana apa-apa kegagalan apa-apa peranti mekanikal atau elektronik, sistem pemprosesan data, talian penghantaran, kegagalan elektrik, pertikaian pengindustrian, apa-apa tindakan di luar kawalan Bank atau apa-apa keadaan yang bersifat force majeure.

### **37. PENGGANTI**

Perjanjian ini adalah mengikat waris, wakil diri dan pengganti hakmilik Pemegang Akaun dan pengganti hakmilik dan penerima serah hak Bank.

### **38. MASA MENJADI ASAS**

Masa di mana jua sebut akan menjadi asas Perjanjian ini.

### **39. UNDANG DAN BIDANGKUASA TERPAKAI**

Perjanjian ini dikawal oleh dan ditafsir selaras dengan undang-undang Malaysia dan pihak-pihak bersetuju untuk berserah kepada bidangkuasa Mahkamah Malaysia.

### **40. PENERBITAN PERJANJIAN INI DI LAMAN WEB BANK**

40.1 Perjanjian ini diterbitkan di laman web Bank di [www.cimbbank.com.my](http://www.cimbbank.com.my).

40.2 Jika anda mempunyai sebarang maklum balas dan/atau aduan, sila hubungi Unit Resolusi Pelanggan Bank ("CRU") di butir-butir hubungan di bawah:-

**Customer Resolution Unit**

P.O. Box 10338,

GPO Kuala Lumpur

50710 Wilayah Persekutuan

**Tel:** +603-6204 7788

**Alamat emel:** [cru@cimb.com](mailto:cru@cimb.com)